

ISSUE
MAY 2020



E-ISSN: 2684-8139

Islam Universalia

International Journal of Islamic Studies and Social Sciences

Indra Martian Permana, Fadzli Adam

Islamic State of Iraq and Syria (ISIS)
Terrorism Action in Indonesia Between
2014-2018

Marhamah

Reform of The Islamic Education System
in Indonesia According to
Azyumardi Azra

**Mohammad Normaaruf Abd Hamid,
Anas Mohd Yunus**

Application of The Concept of Hifz Al-Din
in Shariah Compliant Business
Management

**Sufian Awae, Nur Salina Binti Ismail,
Mohammad Halabieh**

Listening Comprehension Orientations
and Strategies in Learning English
Language

**AbdulFattah AbdulGaniyy, Ibraheem
Alani AbdulKareem**

Islamic Banking and Global Financial
Crises: A Review of Liquidity Risk
Management

Vol 2

NO. 1
MAY 2020

<https://www.ejournal.cyberdakwah.com>

Received: 11 March 2020; Revised: 21 May 2020; Accepted: 25 May 2020
Published: 29 May 2020

APPLICATION OF THE CONCEPT OF HIFZ AL-DIN IN SHARIAH-COMPLIANT BUSINESS MANAGEMENT

APLIKASI KONSEP HIFZ AL-DIN DALAM PENGURUSAN PERNIAGAAN PATUH SYARIAH

Mohammad Normaaruf Abd Hamid ¹, Anas Mohd Yunus ²

^{1,2}) Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu Malaysia

Abstract

A business that adheres to Islamic law is a business that operates with honesty and not doing any form of prohibited things in Islam. Maqasid Shariah is the basic standard for mankind in doing something towards creating a Shariah-compliant way of life, including in business. Religion is the main aspect that must be emphasized in performing business. Islam is a religion that must be preserved, maintained and expanded by all Muslims. Islam strongly encourages Muslims to get involved in all sort of business, to earn a living and improved livelihoods to mankind, as long as it meets the Quran and al-Sunnah's standards. Hifz al-Dīn concept is still not taken seriously in a business management. The issues related to religion, such as riba, employees not performing obligatory prayers and unethical attire are still not stress seriously in business operations. Thus, hifz al-Dīn is an important concept in making sure the business carried out complies with the requirements of Islamic legislation. The purpose of this article is to give exposure in implementing hifz al-Dīn concept. This article studies use qualitative methods by using content analysis of materials related to Islamic Maqasid and businesses. As a result, performing obligatory prayers, trades of halal products, shariah compliant dress code and Islamic financial management need to be

taken seriously in every business operations in order to make sure it is in line with the requirements of Islamic law based on hifz al-Dīn concept.

Keywords: *Maqasid Shariah, Hifz al-Din, Business, Shariah-Compliant*

Abstrak

Perniagaan yang mematuhi syariat Islam adalah perniagaan yang dijalankan dengan jujur dan yang tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam. Maqasid Shariah adalah piawaian asas bagi manusia dalam melakukan sesuatu dalam mewujudkan cara hidup patuh Syariah, termasuk dalam perniagaan. Agama merupakan aspek utama yang mesti dititikberatkan dalam menjalankan perniagaan. Agama Islam mesti dipelihara dan dikembangkan oleh semua umat Islam. Islam amat menggalakkan umatnya untuk terlibat dalam perniagaan untuk mencari nafkah dan menambah rezeki dengan mesti berlandaskan Al-Quran dan al-Sunnah. Konsep Hifz al-Dīn masih tidak dititikberatkan dalam pengurusan perniagaan. Isu yang berkaitan dengan agama Islam seperti riba, pekerja yang tidak menunaikan ibadah dan pakaian yang tidak beretika masih tidak diberi perhatian yang serius dalam menjalankan perniagaan. Oleh itu, hifz al-Dīn adalah konsep penting dalam memastikan perniagaan yang dijalankan mematuhi kehendak dan ketetapan syariat Islam. Tujuan artikel ini adalah untuk memberi pendedahan dalam melaksanakan konsep hifz al-Dīn. Kajian artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan bahan yang berkaitan dengan Maqasid Islam dan perniagaan. Rumusannya, kewajipan menunaikan ibadah, pemilihan dan penjualan produk halal, etika berpakaian patuh syariah dan pengurusan kewangan Islam perlu diberi perhatian serius dalam setiap operasi perniagaan dijalankan bagi memastikan perlaksanaannya bertetapan dengan kehendak syariat Islam yang memenuhi konsep hifz al-Dīn.

Kata Kunci: *Maqasid Syariah, Hifz al-Dīn, Perniagaan, Patuh syariah*

Pendahuluan

Islam merupakan agama yang sempurna dan suatu corak kehidupan yang terbaik merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Allah SWT telah mengharuskan menjalankan perniagaan, namun pengaplikasiannya mestilah berpandukan al-Quran dan Al-Sunnah supaya perlaksanaannya diberkati Allah SWT di samping tujuannya untuk menambah rezeki dan memperoleh keuntungan.

Sehubungan itu, Nabi Muhammad SAW merupakan antara tokoh atau model terbaik dalam perniagaan di mana pengaplikasiannya yang menepati kehendak syarak dan kesannya ramai sahabat baginda yang turut mengikuti cara dan prinsip baginda berniaga. Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (1994) telah menyenaraikan sahabat-sahabat Rasulullah SAW yang melibatkan diri dalam perniagaan antaranya Abu Bakar R.A., Umar al-Khattab, Usman Bin Affan, Saidatina Khadijah, Zubair al-Awwam, Abdul Rahman Auf, Sa'ad Bin Aa'iz, Abu Maa'liq Ansari dan Talha Ubaidillah. Justeru, akhlak dan prinsip dalam perniagaan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW perlu dicontohi dan dilaksanakannya dalam perniagaan pada masa kini bagi mewujudkan corak perniagaan patuh syariah di samping menyebarkan syiar Islam.

Perniagaan yang dijalankan yang memenuhi kehendak syariat Islam merupakan sebahagian daripada ibadah kepada Allah SWT. Sehubungan itu, Islam amat menggalakkan umatnya supaya menjalankan aktiviti perniagaan dengan cara

yang betul, jujur, amanah dan adil (Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab, Suhaida Mohd. Amin, 2014) di samping keutamaannya mengejar keredhaan Allah SWT.

Menurut Mohd Zain Mubarak dan Asyraf Ab Rahman (2015), aspek kerohanian merupakan antara aspek yang amat memainkan peranan penting bagi menjamin kejayaan dan pencapaian dalam perniagaan dan keusahawanan. Aspek kerohanian dalam diri seseorang usahawan telah membentuk sikap positif dan nilai murni dalam diri di mana sikap ini berasaskan kepada keimanan kepada Allah SWT. Amalan kerohanian mempengaruhi motivasi usahawan dengan mampu membina keyakinan dan ketahanan diri serta berpegang kepada prinsip akhlak yang baik. Hal ini juga membantu kepada usahawan dari aspek pengurusan yang lebih cekap dan bertanggungjawab di samping mendorong kepada kejayaan dan kemajuan dalam menjalankan perusahaan yang dijalankan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan kerana terdapat peniaga yang tidak jujur dalam menjalankan sesebuah perniagaan dengan menaikkan harga barang jualan sehingga memberi bebanan kepada para pelanggan terutamanya apabila pada musim-musim perayaan. Biarpun keuntungan perniagaan menjadi keutamaan dan kepentingan dan perniagaan tetapi aspek harga dan barangan dalam sesebuah perniagaan mestilah mematuhi syariat Islam. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan bagi mengenalpasti dan menyenaraikan beberapa aspek *hifz al-Din* yang perlu dititikberatkan dan

dilaksanakan oleh pengurus sesebuah perniagaan dalam menjalankan perniagaan yang memenuhi kehendak syariat Islam terutama dari aspek halal dan haram. Seterusnya, kajian ini dapat menyenaraikan beberapa keputusan yang amat sesuai diaplikasikan dalam sesebuah perniagaan yang merangkumi aspek *hifz al-Din*.

Kajian Literatur

Umat Islam perlu melaksanakan perniagaan sejajar dengan ajaran Islam supaya setiap perlaksanaannya itu adalah sebahagian daripada ketaatan sebagai hamba Allah SWT. Semua jenis amalan yang diaplikasikan yang memenuhi ketetapan syariat Islam tergolong dalam amalan mulia di samping akan menerima ganjaran daripada Allah SWT. Kerangka asas etika perniagaan Islam adalah takwa dan ibadah kepada Allah SWT (Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab & Suhaida Mohd. Amin, 2014).

Selain itu, Islam tidak menetapkan secara terperinci dan jelas berkaitan penetapan harga ke atas sesebuah barang jualan secara asasnya. Kadar penetapan harga secara Islam adalah tidak berbentuk kuantitatif bahkan ia berbentuk kualitatif. Hal ini kerana penetapan harga sesebuah barangan adalah tertakluk kepada pihak penjual dengan mematuhi segala peraturan-peraturan daripada kerajaan dan sentiasa menjaga ketetapan-ketetapan Islam yang tidak mempunyai unsur riba, penipuan,

gharar dan perkara-perkara lain yang dilarang dalam Islam. Keuntungan merupakan matlamat dalam menjalankan perniagaan tetapi dalam memperoleh keuntungan mestilah dengan cara yang jujur dan betul (Muhammad Zuhaili Saiman & Ahmad Dahlan Salleh, 2017)

Islam telah menyenaraikan ciri-ciri keuntungan yang diperolehi melalui beberapa kegiatan yang dijalankan termasuk juga kegiatan perniagaan yang boleh menghasilkan keuntungan iaitu keuntungan yang diperolehi mestilah bebas daripada unsur riba, bersih daripada unsur *Ghabn Fāḥisy* yang berpunca daripada *Taghrīr*, bersih daripada unsur *Gharar* dan keuntungan yang diperolehi tiada unsur *Ihtikār* (Shamsiah Mohamad, 2002).

Terdapat empat fungsi perniagaan yang digunakan dalam pelaksanaan etika perniagaan Islam yang merangkumi etika perniagaan Islam dalam aspek penghasilan produk, pemasaran produk, pengurusan kewangan dan pengurusan sumber manusia (Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab, Suhaida Mohd. Amin, 2014).

Perniagaan Islam dan perniagaan konvensional mempunyai banyak perbezaan merangkumi aspek pada dasarnya seperti rationality versus taqwa, self-interest versus huquq dan utility versus masalah. Perniagaan Islam dijalankan berpandukan kepada rujukan yang betul atau sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah tidak hanya berpandukan kepada akal manusia semata-mata (Suwandi, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Wan Nasyruddin Wan Abdullah, 2016). Perniagaan Islam tidak lain tujuan menjalankan perniagaan adalah

memperoleh keredhaan Allah SWT sepanjang mencari keuntungan daripada perniagaan di samping aspek keagamaan menjadi teras utama perlaksanaannya dalam mewujudkan sebuah perniagaan yang betul.

Pada asasnya, sesebuah perniagaan yang dijalankan itu sah menurut syarak apabila segala prinsip asas ini dipenuhi iaitu mempunyai akad yang sah di mana kedua-dua belah pihak antara pembeli dan penjual redha, memenuhi rukun-rukun dan segala syarat yang telah ditetapkan oleh syarak dalam mengurus niaga. Selain itu, perkara larangan dalam syarak tidak diaplikasikan dalam semua urusan perniagaan seperti penindasan, riba, penipuan, perjudian dan sebagainya (Mohd Ramizu Abdullah, 2014).

Metodologi

Kaedah yang digunakan bagi memperoleh segala maklumat pada kajian ini adalah kaedah kualitatif di mana kaedah pengumpulan data dan analisis data adalah menggunakan kaedah analisis kandungan daripada jurnal, artikel-artikel, buku dan kajian-kajian lepas berkaitan dengan maqasid syariah dan perniagaan yang telah diperolehi dan dikenal pasti. Selain itu, segala maklumat tambahan yang dinyatakan adalah diperolehi melalui laman sesawang yang boleh dipercayai dan diyakini. Kaedah dikumentasi juga digunakan dengan menjalankan pemerhatian dan kajian terhadap dokumen-dokumen yang diperolehi berkaitan dengan

kajian ini terutamanya berkaitan dokumen berkaitan maqasid syariah dan perniagaan.

Pembahasan

Konsep Maqasid Syariah

Pensyariaan Allah SWT terhadap sesuatu perkara sama ada dituntut wajib dilakukan atau ditinggalkan mempunyai kebaikan dan manfaat kepada manusia di samping tujuannya menjamin kemaslahatan hidup manusia. Ilmu berkaitan maqasid syariah merupakan asas kepada segala perbuatan umat Islam yang baligh dan berakal (mukalaf) dan menjadi antara piawaian kepada segala perbuatan manusia dalam rangka merealisasikan kepentingan umum. Maqasid syariah merupakan aspek yang perlu dititikberatkan dalam segala urusan manusia yang berperanan untuk memelihara nilai-nilai yang dikehendaki oleh manusia dalam mencapai kebahagiaan dalam kehidupan di samping memperoleh keberkatan Allah SWT dan menghindari diri daripada berlaku sebarang kemudaratan dalam hidup.

Definisi maqasid menurut pakar bahasa dikategorikan sebagai *masdar mimiy* yang pada asalnya adalah *maqṣad*. *Maqṣad* merupakan perkataan arab yang berasal dalam bentuk *fe'el* (kata kerja) iaitu *qasada*. Kemudian, definisi maqasid dari sudut bahasa adalah jalan yang lurus, keazaman sesuatu, pegangan tertentu, keadilan, mampat dan kemudahan tertentu (al-Badwī, 1999 : 43) (al-Yūbī, 1998 : 29). Selain itu, maqasid merupakan kata jamak yang pada asalnya daripada perkataan *maqṣad* atau *maqṣud* yang memberi pelbagai definisi dan

maksud tertentu antaranya niat, prinsip, kehendak, matlamat, objektif atau tujuan tertentu (Al-Raysūnī, 2014 : 9).

Manakala, definisi syariah dari sudut bahasa adalah sumber air minum (al-Yūbī, 1998 : 29), mengambil sesuatu air dengan mulut dan meninggikan sesuatu. Syariah juga bermaksud dekat dengan jalan dan jalan lurus. Secara bahasa syariah merupakan bahasa arab yang berasal daripada kata kerja iaitu *shara'a* (Zulkifli al-Bakri, 2014). *Al-Syariah* dari segi istilah pula adalah segala perundangan yang ditetapkan oleh Allah SWT yang diturunkan kepada Rasulullah SAW untuk disampaikan dan diamalkan oleh manusia yang berkaitan dengan ibadah, akhlak, makanan, minuman, pakaian mahupun muamalat (Zulkifli al-Bakri, 2014).

Seterusnya, 'Alāl al-Fāsī (1993 : 7) memberi definisi maqasid syariah sebagai tujuan dan matlamat serta rahsia yang diletakkan oleh syarak bagi setiap hukum-hukum yang disyariatkan. Selain itu, Al-'Alim (1994 : 79) pula berpandangan bahawa maqasid syariah adalah manfaat dan kebaikan yang akan diterima oleh hamba di dunia mahupun di akhirat sama ada dengan pelbagai cara antaranya menghindari kemudharatan atau mendatangkan kebaikan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa objektif yang terkandung dalam pensyariatkan adalah untuk memberi kebaikan dan menolak kemudaratan kepada manusia (Mohamad Zaidi Abdul Rahman, 2105).

Konsep Hizf Al-Dīn

Al-Dīn yang dalam konteks perbahasan ini adalah agama Islam. Menjaga agama bermaksud memelihara kesucian agama Islam daripada sebarang perbuatan yang boleh merosakkan akidah dan keimanan mereka (Nur Farahiyah Binti Mat Daud, Ahmad Irdha Mokhtar & Zulkefli Aini, 2015). Mohamad Shahrizal Nasir (2019) menyatakan bahawa agama yang diredhai di sisi Allah SWT adalah agama Islam di mana ianya tidak perlu diragui ikutannya dan ajaran agama Islam adalah ajaran yang benar. Kenyataan ini dapat dibuktikan berdasarkan firman Allah SAW di dalam al-Quran. Firman Allah SWT :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ﴿١٩﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah SWT adalah Islam..” (Surah Ali ‘Imran : 19)

Seterusnya, seorang Muslim dituntut dan dipertanggungjawabkan untuk sentiasa mempertahankan dan menjaga kesucian agama Islam daripada dikhianati dan dicerobohi oleh penganut-penganut agama lain yang sesat lagi menyesatkan. Firman Allah SWT :

وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ أَنْ إِذَا سَمِعْتُمْ آيَاتِ اللَّهِ يُكْفَرُ بِهَا وَيُسْتَهْزَأُ بِهَا فَلَا تَقْعُدُوا مَعَهُمْ حَتَّى يَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِ ۗ إِنَّكُمْ إِذَا مِثْلُهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ جَامِعُ الْمُنَافِقِينَ وَالْكَافِرِينَ فِي جَهَنَّمَ

جَمِيعًا ﴿١٠﴾

Maksudnya : “Dan sesungguhnya Allah SWT telah menurunkan kepada kau (perintahNya) di dalam kitab (al-Quran) iaitu sekiranya kamu mendengar ayat-ayat keterangan Allah SWT diingkari dan diejek-ejek (oleh kaum kafir dan munafik), maka janganlah kamu duduk (bergaul) dengan mereka sehingga mereka masuk kepada memperkatakan soal yang lain kerana sesungguhnya (sekiranya kamu melakukan sedemikian), tentu kamu sama seperti mereka. Sesungguhnya Allah SWT menghimpunkan sekalian orang-orang munafik dan orang kafir di dalam neraka jahanam.” (Surah Al-Nisa’ 4 : 140)

Sehubungan itu, Hamka (1983) memberi tafsiran bahawa salah satu hal yang membawa seseorang itu jadi munafik adalah seseorang yang beriman duduk bersama dengan orang-orang yang tidak mempercayai ajaran Islam dalam satu majlis. Sehubungan itu, umat Islam sentiasa berwaspada dan cakna supaya tidak mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang boleh membawa ke arah kesesatan dan kekufuran. Jelaslah, bahawa agama Islam mengajar manusia supaya mementingkan dan mengutamakan sesuatu yang memberi manfaat kepada dirinya dan orang lain dan seterusnya melarang sama sekali untuk mengambil sesuatu yang memberi kemudahan dan kesusahan dalam hidup.

Justeru, *hifz al-Dīn* atau matlamat memelihara agama merupakan nilai yang paling utama untuk dinilai dan dititikberatkan dalam segala urusan manusia. Nilai agama ini perlu dipelihara dan dijaga kerana tanpa agama manusia akan terjerumus ke dalam kebinasaan dan kesesatan kerana tidak mempunyai satu panduan yang lengkap untuk dijadikan rujukan dalam hidup. Pensyariatan Allah SWT ke atas umat Islam jelas

mempunyai manfaat dan masalah di samping menjamin kesejahteraan dalam kehidupan.

Umat Islam bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara kesucian agama Islam. Sehubungan itu, umat Islam juga mempunyai aturan tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak untuk diamalkan dan direalisasikan dalam segala urusan kehidupan umat Islam. Selaras dengan konsep syariah yang sempurna dan membawa rahmat kepada semua makhluk di muka bumi melangkaui jarak masa, suasana dan sempadan. Konsep lestari manusia yang merangkumi kesempurnaan ruang lingkup kehidupan manusia yang mengandungi tiga elemen utama yang menjadi asas iaitu akidah, syariah dan akhlak. Syariah merupakan suatu perundangan khusus yang mengatur sistem kehidupan manusia meliputi aspek ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah serta adat-adat pengamalan manusia. Setiap pensyariatian ditetapkan oleh Allah SWT yang perlu diikuti dan diamalkan oleh manusia adalah menjamin kemaslahatan dan keperluan manusia.

Aplikasi konsep *hifz al-Dīn* dalam pengurusan perniagaan patuh syariah

Hakikatnya, syariat Islam tidak hanya bersifat teori sahaja, tetapi syariat juga bersifat praktikal dan merupakan cara hidup yang sempurna yang perlu dilakukan di bawah perintah Allah SWT sebagai hambaNya di samping memperoleh keberkatan dalam kehidupan. Sebagai seorang Muslim bertanggungjawab dan amat dituntut untuk melaksanakan

konsep *hifz al-Dīn* atau memelihara kesucian agama Islam dalam segala urusan kehidupan manusia di muka bumi. Pihak pengurusan khususnya perlu mengambil cakna terhadap konsep tersebut bagi memastikan seseorang Muslim atau pekerja-pekerja khususnya melaksanakan segala tuntutan agama Islam yang disyariatkan Allah SWT dan memastikan segala perkara yang dilarang dalam syariat ditegah dan ditinggalkan.

Seterusnya, berikut merupakan konsep *hifz al-Dīn* yang digalakkan untuk mengaplikasikannya dalam aspek pengurusan perniagaan yang mematuhi syariat Islam :

1. Kewajiban Ibadah

Umat Islam diwajibkan untuk menunaikan segala Ibadah dengan sempurna. Terdapat lima ibadah wajib yang mesti ditunaikan sebagai seorang Muslim. Ibadah-ibadah ini adalah tiang seri yang menjadi asas kepada tertegaknya agama Islam. Ia dikenali dengan rukun-rukun Islam yang merangkumi mengucapkan kalimah *syahadah* kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, solat fardu lima waktu, puasa di bulan Ramadan, zakat dan menunaikan ibadah haji bagi yang mampu. Ini adalah berdasarkan hadith daripada ‘Abd Rahman ‘Abdullah bin ‘Umar bin al-Khattab RadhiyAllahu ‘Anhuma, sabda Rasulullah SAW :

Maksudnya : “Dibina Islam itu asas lima perkara, persaksian bahawa tiada tuhan selain Allah SAW dan Muhammad itu pesuruh Allah SAW, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji di Baitul Haram dan berpuasa di bulan Ramadan.” (HR al-Bukhari, no. 8)

Pihak pengurusan perniagaan perlu memastikan bahawa pekerja yang beragama Islam menjadi kewajipan untuk menunaikan segala ibadah-ibadah yang telah disyariatkan. Perlaksanaan ibadah ini dengan sempurna menunjukkan bahawa iman seseorang Muslim sempurna. Para ‘ulama telah bersepakat bahawa jika seseorang itu meninggalkan atau mengingkari salah satu rukun-rukun ini, maka orang itu merosakkan imannya dan Islam dalam dirinya (Mustafa ‘Abdul Rahman, 2008). Hal ini kerana hubungan akidah dan ibadah tidak boleh dipisahkan (al-Bughā, Mastū, 2006).

Justeru, pihak pengurusan perniagaan perlu cakna terhadap perkara-perkara ini supaya perniagaan yang dijalankan memenuhi syarat dalam mewujudkan perniagaan patuh syariah. Dalam proses untuk memperoleh keuntungan perniagaan, aspek-aspek yang membawa ke arah keberkatan dalam pelaksanaan perniagaan juga hendaklah diambil berat.

2. Pemilihan dan penjualan produk yang halal

Halal merupakan aspek yang utama perlu dititikberatkan terutamanya oleh pengusaha perniagaan dalam menjalankan sesebuah perniagaan. Halal amat berkait dengan makanan (Zulkifli Mohd Yusoff et. al., 2010 : 332). Namun, untuk lebih sempurna adalah aspek halal lagi baik atau mudah difahami dengan konsep *halalan tayyiban*. Halal dalam bahasa Arab adalah kata kerja *halla*, *yahillu*, *hillan* yang bermaksud sesuatu yang membebaskan, membolehkan, memecahkan,

membubarkan dan melepaskan (Muhammad Hisyam Mohamad, 2009). Manakala, perkataan *ṭayyib* dari segi bahasa boleh diterjemahkan sebagai suci, baik dan bagus (Zulkifli Mohd Yusoff, Abdul Rashid Ahmad, Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Mustaffa Abdullah, Faisal Ahmad Shah, Mohd Asmadi Yakob, Munirah Abd Razak & Anwar Ridwan Zakaria, 2010 : 332).

Hal ini kerana Allah SWT telah mesyariatkan kepada hambaNya untuk mengutamakan makanan dan perkhidmatan yang halal lagi baik. Pensyariatan *halalan ṭayyiban* banyak kali diulang tuntutannya di dalam al-Quran. Menurut Muhammad Hisyam Mohamad (2009) menyatakan bahawa terdapat empat tempat di dalam al-Quran yang menjelaskan berkaitan suruhan mengambil segala perkara atau makanan yang *halalan ṭayyiban*. Firman Allah SWT :

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ
مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Maksudnya : “Dan makanlah makanan yang halal lagi baik daripada segala yang Allah SWT rezezikikan kepada kamu dan bertakwalah kepada Allah SWT yang kamau beriman kepadaNYa.” (Surah al-Maidah 5 : 88)

Hamka (1983) menjelaskan bahawa hendaklah pilih makan makanan atau minuman yang *halalan ṭayyiban*, tidak hanya halal sahaja tetapi tidak baik. Justeru, menjadi keutamaan kepada orang-orang Islam untuk cakna dan mengambil segala

sesuatu itu yang *halalan tayyiban*. Aspek halal lagi baik dituntut untuk diambil dan diaplikasikan supaya manusia amnya dapat hidup dengan sihat di samping memperoleh keberkatan Allah SWT. Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ
مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya minuman keras, berjudi, (pemujaan untuk) berhala, menilik nasib dengan anak panah adalah perbuatan keji yang termasuk perbuatan syaitan. Maka, hendaklah kamu menjauhkannya agar kamu berjaya.” (Surah al-Maidah 5 : 90)

Hamka (1983) menyatakan berkaitan ayat ini menunjukkan larangan Allah SWT kepada orang-orang Islam untuk melakukan sesuatu perbuatan yang keji dan membawa kepada berlakunya kemudharatan. Mengambil minuman yang memabukkan mampu merosakkan akal manusia yang waras. Perlakuan menilik nasib menunjukkan seolah-olah keyakinan terhadap segala ketetapan Allah SWT semakin pudar. Jelas sekali bahawa menyembah berhala menunjukkan akidah umat Islam rosak dan terpesong di samping perbuatan itu dimurkai Allah SWT. Terdapat banyak manfaat yang disebalik pengharaman perkara-perkara tersebut antaranya dapat menjaga kesihatan dan melahirkan insan yang sentiasa cakna dengan perkara-perkara yang bersih dan baik. Justeru, menjadi tanggungjawab kepada orang-orang Islam untuk memelihara

kesucian agama Islam dan menjauhkan diri daripada mengambil perkara-perkara yang dilarang dalam syariat Islam.

Justeru, pihak pengurusan perniagaan perlu cakna dan bertanggungjawab bagi memastikan segala produk yang dijual adalah halal lagi baik dan sentiasa memastikan terhindar daripada material dan sumber yang haram di samping sentiasa menjaga kebersihan premis perniagaan supaya kualiti produk yang diletakkan dan dijual kekal berkualiti dan terpelihara di samping segala proses bermula daripada sumber yang perlu diikuti bagi memenuhi konsep *halalan tayyiban* (Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar, 2014 : 109).

3. Etika pemakaian

Etika pemakaian khususnya kepada pekerja dan staf mestilah patuh dan bertepatan dengan etika pemakaian dalam al-Quran dan al-Sunnah. Pemakaian itu mestilah menutup aurat dengan sempurna, mesra dengan persekitaran muslim dan tidak ketat sehingga mampu menimbulkan syahwat kepada yang melihatnya. Konsep aurat adalah berasaskan bahagian yang perlu ditutup dan dihalang daripada dilihat oleh orang lain (Nur 'Izzah Jainudin & A'dawiyah Ismail, 2018). Justeru, kod etika pemakaian kepada para pelanggan, pekerja dan staf mestilah digubal selari dengan etika berpakaian seorang muslim dan muslimah. Perkara ini adalah disyariatkan Allah SWT di dalam firmanNya :

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ
مِنْ جَلْبِيبِهِنَّ ذَلِكُمْ أَذْيَبٌ أَنْ يَعْرفَنَّ فَلَا يُؤْذِينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا
رَحِيمًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya : “Wahai nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin, “Hendaklah mereka melabuhkan pakaiannya ke seluruh tubuh mereka, cara yang demikian itu lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik), maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan ingatlah Allah SWT Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.” (Surah al-Ahzab 33 : 59)

Sayyid Qutb (2003) memberi tafsiran bahawa Allah SWT memerintahkan kepada Nabi SAW supaya menyuruh para isteri dan anak-anak untuk menutup tubuh badan apabila keluar menunaikan hajat. Sehubungan itu, umat Islam dituntut untuk mengikut garis panduan pemakaian yang mematuhi syariat Islam yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, pihak pengurusan perniagaan perlu sentiasa meneliti dan menguatkuasakan etika pemakaian dalam kalangan pekerja dan staf.

4. Pengurusan kewangan

Pengurusan perniagaan patuh syariah mestilah mengikut dan mematuhi prinsip, etika dan kaedah pengurusan kewangan Islam. Sesungguhnya, Allah SWT melarang sama sekali umat Islam untuk melakukan sesuatu yang dilarang dalam Islam dan melaknat orang yang melakukan penipuan, monopoli barang

jualan, memakan riba, orang yang memberi riba, dua orang saksinya dan juga jurutulis yang terlibat dalam riba. Firman Allah SWT :

... وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۗ ... ﴿٢٧٥﴾

Maksudnya: "...Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba..." (Surah al-Baqarah : 275)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT melarang sama sekali melakukan riba dalam segala urusan perniagaan kerana riba ini umpama mengambil harta manusia dengan menggunakan cara yang batil dan salah (Muhammad Nasib Ar-Rifa'ie, 1999). Justeru, dalam menjalankan sesebuah perniagaan, aspek lain yang perlu dititikberatkan oleh pengurus perniagaan khususnya adalah dalam melibatkan segala aspek pengurusan kewangan. Selain memperoleh keuntungan daripada perniagaan, peroleh keberkatan juga merupakan antara matlamat yang mesti diharapkan oleh pengurus perniagaan di samping kemajuan dalam menjalankan perniagaan. Segala pengurusan kewangan dalam sesebuah menjalankan sesebuah perniagaan amat penting bagi memastikan perniagaannya terus maju dan terkehadapan. Sekiranya berlaku penyelewengan dalam kewangan akan memberi kesan kepada perniagaan yang dijalankan sama ada rugi atau berlakunya permusuhan antara para pekerja atau para pengguna.

Perniagaan yang patuh syariah adalah perniagaan yang dijalankan di mana segala sumber kewangan yang diperolehi dan dikeluarkan adalah bertepatan dengan ketetapan syariah serta ianya bebas daripada perkara-perkara yang dilarang sama sekali dalam Islam seperti riba, rasuah, monopoli barang dan penipuan. Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (1994) menjelaskan hikmah pengharaman riba adalah perbuatan riba seolah-olah mencabul kehormatan hak orang lain. Seterusnya, Rasulullah SAW melaknat orang yang melakukan rasuah (Al-Qaradawi, 2015 : 77).

Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (1994) menjelaskan hikmah pengharaman riba adalah mencabul kehormatan hak orang lain. Riba adalah perbuatan mengambil harta orang lain tanpa ganti. Seterusnya, riba mampu merosakkan kemaslahatan dunia dan riba mendorong kepada keruntuhan akhlak. Riba juga menyebabkan berlakunya ketidakadilan sosial. Jelaslah bahawa riba mampu memberi kesan kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Oleh itu, Islam melarang untuk umat Islam daripada mengamalkan riba dan mengharamkan riba. Bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan wang dalam perniagaan, langkah terbaik yang perlu dilakukan oleh pihak pengurusan perniagaan adalah sentiasa meneliti dan merekodkan segala transaksi kewangan. Justeru, pihak pengurusan perniagaan perlu sentiasa meneliti dalam permasalahan berkaitan kewangan supaya perniagaan yang dijalankan adalah hasil yang mengikut ketetapan syarak di samping mencari keredaan Allah SWT.

Kesimpulan

Islam merupakan agama yang syumul dan sempurna meliputi segala aspek kehidupan manusia. Namun, Islam tidak hanya bersifat teori tetapi ia juga bersifat praktikal di mana umat Islam perlu melaksanakan segala tuntutan syarak dengan sebaiknya. Menjadi kewajiban sebagai Muslim untuk mempraktikkan cara hidup yang selari dan bertepatan dengan syariat Islam dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dalam mewujudkan suasana corak kehidupan Islam dalam kebahagiaan di samping memperoleh keredhaan Allah SWT. Justeru, konsep *hifz al-Dīn* atau pemeliharaan agama Islam sangat perlu diterapkan dalam mewujudkan pengurusan perniagaan patuh syariah.

Justeru, aspek kewajipan menunaikan ibadah, pemilihan dan penjualan produk yang halal, etika pemakaian dan pengurusan kewangan perlu diteliti oleh pihak pengurusan perniagaan dalam mewujudkan sebuah perniagaan patuh syariah. Hal ini kerana agama Islam antara aspek yang wajib dipelihara dan dipertahankan dalam kehidupan sebagai seorang Muslim. Sehubungan itu, semua pihak sama ada peniaga, pembeli atau masyarakat umum perlu bersama-sama dan saling membantu dalam memastikan perniagaan patuh syariah ini wujud dan dapat dimajukan.

Daftar Pustaka

- ‘Alāl al-Fāsī (1993), *Maqāṣid al-Shariah al-Islāmiyyah Wā Maqārimahā*, Dār Al-Gharb Al-Islāmiy
- Al-‘Alim, Yūsuf Ḥamid (1994), *Al-Maqāṣid Al-‘Ammah Lī Sharīah Al-Islāmiyyah*, Riyādh : al-Dār al-‘Alāmiyyah al-Kitāb al-Islāmiy.
- Al-Badwī, Yūsuf Ahmad (1999), *Maqāṣid al-Shariah ‘Inda Ibn Taimiyah*, Urdun : Dār al-Nafāis.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2015), *Fatwa Kontemporari*, (terj. Shafiyah Abdul Khodir), Selangor : PTS Publishing House Sdn Bhd.
- Al-Raysūnī, Ahmad (2014), *Muḥādarāt Fī Maqāṣid Al-Shariah*, Qāherah : Dār al-Kalimah.
- Al-Yūbī, Mas’ud, Muhammad Sa’d Bin Ahmad (1998), *Maqāṣid Al-Sharī’ah Al-Islāmiyyah Wā ‘Alaqātiā Bil Adillati Al-Shar’iah*, Riyādh : Dār al-Hijrah.
- Hamka (1983), *Tafsir al-Azhar*, Juz. 4, Jakarta : Pustaka Panjimas
- Harlida Abdul Wahab dan Alias Azhar (2014), *Halalan Tayyiban Dalam Kerangka Perundangan Malaysia*, Jurnal Kanun, Kedah : Universiti Utara Malaysia (UUM). 103-120
- Mohamad Shahrizal Nasir (2019), dilihat pada 28 Oktober 2019, lihat <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/03/437400/islam-agama-diredai-ilahi>
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2015), *Aplikasi Maqāṣid al-Syarī’ah Dalam Pentadbiran Negara : Satu Tinjauan Sejarah Islam*, Jurnal Fiqh, Kuala Lumpur : Universiti Malaya (UM).
- Mohd Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab, Suhaida Mohd. Amin (2014), *Etika Perniagaan Islam : Pengalaman Usahawan Muslim di Melaka*, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9 (PERKEM ke-9), Terengganu : Kuala Terengganu. (ISSN: 2231-962X). 442-450
- Mohd Ramizu Abdullah (2014), *Perniagaan Secara Multi Level Marketing (MLM): Satu Tinjauan Dari Perspektif Syarak*, Jurnal Bilangan IX, Kota Bharu : Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

- Mohd Zain Mubarak , Asyraf Ab Rahman (2015), *Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam; Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan*, Jurnal Pengembangan Perniagaan dan Sosial, Terengganu : Universiti Malaysia Terengganu (UMT). (ISSN : 2289-2915). 1-11
- Muhammad Nasib Ar-Rifa'ie (1999), *Kemudahan Dari Allah : Ringkasan Tafsir Ibnu Katsir*, Jakarta : Gema Insani
- Muhammad Zakariyya Al-Kandahlawi (1994), *Kelebihan Perniagaan Dan Pencarian Nafkah Hidup Dalam Islam*, Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- Muhammad Zakariyya Al-Kandahlawi (1994), *Kelebihan Perniagaan Dan Pencarian Nafkah Hidup Dalam Islam*, Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- Muhammad Zuhaili Saiman & Ahmad Dahlan Salleh (2017), *Risiko Terhadap Keuntungan Dalam Instrumen Transaksi Masa Kini Menurut Fiqh Muamalat*, Jurnal Undang-Undang Kontemporari Islam, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). (eISSN 0127-788X). 31-44
- Mustafa 'Abdul Rahman (2008), *Hadith 40 : Terjemahan dan Syarahnya*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar
- Muṣṭafa dan Mastu, Muhyiddin (2006), *al-Wāfi Fī Sharḥ al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, Damshiq : Dār al-Muṣṭafa
- Mustafa Haji Daud (1994), *Perniagaan Menurut Islam*, Cheras : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Nur 'Izzah Jainudin dan A'dawiyah Ismail (2018), *Faktor Pengetahuan Amalan Batas Aurat Dan Pergaulan Remaja Perempuan SMK Titingan Tawau Sabah*, Jurnal Hadhari, UKM : UKM Press. (ISSN 1985-6830). 141-158
- Nur Farahiyah Binti Mat Daud, Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini (2015), *Kepentingan Maqasid al-Shari'ah Dalam Pengurusan Media Massa Bagi Menangani Masalah Sosial Masyarakat Di Malaysia*, Prosiding Seminar Pengurusan Islam : Ke Arah Pemantapan Ummah, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Sayyid Qutb (2003), *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān*, Beirūt : Dār al-Shurūq

- Shamsiah Mohamad (2002), *Ciri-ciri Keuntungan Menurut Perspektif Islam*, Jurnal Syariah 10:1 (2002). 121-137
- Suwandi, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Wan Nasruddin Wan Abdullah (2016), *Konsep Perniagaan Islam Kajian Al-Quran Dan Al-Sunnah*, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Vol 3, Bil 2, (e-ISSN: 2289-8042). 65-79
- Zulkifli al-Bakri (2014), *Maqasid Al-Syariah : Satu Pengenalan Umum*, Nilai : Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd
- Zulkifli Mohd Yusoff, Abdul Rashid Ahmad, Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Mustaffa Abdullah, Faisal Ahmad Shah, Mohd Asmadi Yakob, Munirah Abd Razak dan Anwar Ridwan Zakaria (2010), *Kamus Al-Quran*, Selangor: PTS Publishing House Sdn Bhd.